

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK
ABDUL AZIZ [BACHOK]**

TARIKH : 23 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan perancangan Kementerian untuk menyediakan pelan pemulihan pendidikan negara secara komprehensif berdepan dengan impak pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah merangka satu pelan komprehensif pembukaan semula sekolah telah disediakan bagi memastikan murid dapat kembali belajar secara bersemuka di sekolah dalam keadaan selamat. Dalam merangka pelan ini, KPM telah mengadakan sesi libat urus yang menyeluruh bagi mendapatkan input, pandangan serta cadangan daripada semua pihak berkepentingan.

Pada masa yang sama, KPM telah membuat analisis terperinci mengenai amalan terbaik pembukaan semula sekolah di negara-negara lain bagi meneliti pendekatan yang berkesan untuk memastikan pengoperasian sekolah secara bersemuka dapat dilaksanakan dalam keadaan yang selamat.

Semua input serta dapatan analisis daripada sesi libat urus tersebut telah dipertimbangkan oleh KPM dalam menyediakan pelan komprehensif pembukaan semula sekolah. Pelan ini kemudiannya diperincikan bersama-sama KKM dan MKN serta diselaraskan dengan PPN.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembukaan sekolah akan dibuat secara berperingkat mengikut fasa PPN. Bagi negeri Fasa 1 PPN, semua murid masih meneruskan PdPR. Hanya tadika swasta dibenarkan beroperasi bagi anak-anak yang ibu bapa atau penjaga mereka bekerja.

Bagi negeri Fasa 2 PPN, PdP secara bersemuka dibenarkan untuk murid kelas peperiksaan awam dan antarabangsa yang akan menduduki peperiksaan dalam tempoh terdekat. Murid Berkeperluan Khas di Sekolah Pendidikan Khas dan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) juga boleh hadir secara bersemuka. Tadika swasta dibenarkan untuk terus beroperasi bagi anak-anak yang ibu bapa atau penjaga mereka bekerja. Murid lain akan mengikuti PdPR.

Bagi negeri di Fasa 3 PPN, murid yang akan hadir ke sekolah adalah sama seperti kumpulan murid di Fasa 2. Selain itu, murid kelas

peperiksaan awam dan peperiksaan antarabangsa yang lain akan hadir. Prasekolah juga akan mula beroperasi. Murid lain akan mengikuti PdPR.

Bagi negeri di Fasa 4 PPN, murid yang akan hadir ke sekolah adalah sama seperti kumpulan murid di Fasa 3. Kemasukan murid lain akan dilaksanakan secara berperingkat.

Berdasarkan Pelan Komprehensif Pembukaan Semula Sekolah, KPM telah menetapkan supaya kapasiti murid di sekolah dihadkan pada kadar 50 peratus enrolmen keseluruhan. Bagi tujuan tersebut, kaedah yang digunakan adalah dengan mengehadkan kapasiti murid di dalam kelas kepada 50 peratus daripada jumlah murid dalam kelas tersebut.

Justeru, sistem penggiliran murid hadir ke sekolah mengikut minggu akan dilaksanakan. Kaedah ini diguna pakai untuk semua kelas kecuali bagi kumpulan murid tertentu seperti yang disenaraikan di portal KPM. Kaedah penggiliran ini membolehkan penjarakan fizikal dalam kelas yang lebih baik dan memudahkan pemantauan guru ke atas murid. Ini juga bagi mengurangkan kesesakan sewaktu pergerakan masuk dan penyuraian di sekolah.

Bagi memastikan kelancaran pengoperasian sekolah, KPM telah menyediakan Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah 3.0 sebagai rujukan kepada jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan pentadbir serta guru. Garis panduan ini turut menekankan aspek pengudaraan yang baik di dalam kelas dan mewajibkan pemakaian pelitup muka kepada semua warga sekolah. Untuk memastikan keselamatan di sekolah, murid yang bergejala tidak dibenarkan hadir ke sekolah bagi mengelakkan risiko jangkitan dalam kawasan sekolah.

Kerangka pelan pembukaan sekolah ini adalah satu perancangan komprehensif KPM bagi memastikan pengoperasian sekolah secara bersemuka berjalan dengan teratur dan selamat.